

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 FEBRUARY 2015

# PM nasihat jaga kesihatan ketika cuaca panas

BH-25/2/2015

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak menasihatkan orang ramai supaya menjaga kesihatan berikutan musim panas berpanjangan yang dijangka melanda negara tidak lama lagi.

Perdana Menteri turut meminta mereka mengambil langkah berjaga-jaga untuk kekal sihat dan mengelak daripada penyakit berkaitan kepanasan.

“Saya harap anda semua akan mengambil langkah berjaga-jaga untuk kekal sihat dan mengelakkan diri daripada penyakit berkaitan kepanasan,” katanya dalam entri terbaharu di Facebooknya, semalam.

Cuaca panas dan kering dengan kadar hujan yang rendah melanda negara, dijangka berterusan sehingga awal April depan.

## Dipengaruhi fenomena ekuinox

Malaysia kini berada pada peringkat akhir musim Monsun Timur Laut sebelum memasuki musim panas antara Mac hingga April.

Keadaan itu turut dipengaruhi kesan daripada fenomena ekuinox iaitu keadaan di mana matahari berada tepat di garisan khatulistiwa.

Kedudukan matahari dijangka tepat di atas Malaysia menjelang akhir Mac depan, sekali gus mencatatkan peningkatan suhu mendadak.

Antara kesan dialami orang ramai berikutan cuaca panas termasuk strok haba, sakit tekak dan ruam di seluruh badan.

“**Saya harap anda semua akan mengambil langkah berjaga-jaga untuk kekal sihat dan mengelakkan diri daripada penyakit berkaitan kepanasan**”

**Najib Razak**  
Perdana Menteri